

No.Fail: Bil(48)dlm.JK/IP 39/5:

Tarikh: 2hb. Mei, 1981.

Semua Yang Di Pertua,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Pendaftar,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia.

Tuan,

Pekeliling Pendaftar Bil: (U)6 Tahun 1981
Bayaran Kepada Penghantar Saman Di Mahkamah
Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa pertanyaan telah diterima berkaitan dengan bayaran yang boleh diberi kepada Penghantar Saman dalam menjalankan tugas rasminya. Bagi menjelaskannya adalah dimaklumkan bahawa:-

- (i) Bayaran yang kena dibayar oleh seseorang yang menghendaki sesuatu proses disampaikan oleh Penghantar Saman adalah mengikut Shedule B items 64 dan 65, Subordinate Courts Rules, 1980 (P.U.(A) 328).
- (ii) Bayaran di dalam perkara (i) hendaklah dibuat dengan cara praecipe kepada Pendaftar atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa untuk menerimanya;
- (iii) Tuntutan perjalanan oleh Penghantar Saman hendaklah dibuat mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 1980. Sekiranya Penghantar-penghantar Saman berkenaan menggunakan motosikal sendiri, mereka hendaklah menuntut elaun motosikal. Sekiranya mereka menaiki bas atau teksi atau lain-lain kenderaan, mereka boleh menuntut bayaran sebenar yang telah dikluarkan oleh mereka.

Sekianlah dimaklumkan.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,

(SITI NORMA YAKOB)
Ketua Pendaftar.